



Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

SITI FATIMAH RADZI, NORNAJIHAH MD NOR, NUR FATANAH MOHD NOR & HARUN BAHARUDIN

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Tinjauan literatur ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab, mengenal pasti hubungan sikap dan motivasi pelajar dalam pembelajaran dan pencapaian bahasa Arab dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Kaedah kualitatif deskriptif digunakan bagi meninjau hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Dapatan kajian telah dianalisis bagi melihat perbandingan antara kajian. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik menjadi domain utama dalam mengumpulkan data-data daripada responden. Dapatan kajian menunjukkan motivasi intrinsik seperti sikap dan kesedaran diri serta motivasi ekstrinsik seperti galakan daripada ibu bapa juga guru dan pengajaran guru mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab pelajar. Motivasi ekstrinsik didapati motivasi yang paling baik dalam pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa Arab mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa tersebut. Motivasi dan sikap juga mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik. Faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar adalah sikap pelajar yang menganggap mata pelajaran bahasa Arab adalah penting. Pengajaran guru yang baik juga didapati meningkatkan motivasi pelajar. Maka, tinjauan literatur ini penting bagi mengenalpasti lompang dan permasalahan yang masih wujud dalam kemerosotan tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Kata kunci: Motivasi, Pembelajaran Bahasa Arab, Intrinsik, Ekstrinsik, Sikap, Pencapaian akademik.


PENGENALAN

Dalam proses pembelajaran bahasa, kebolehan dan kejayaan seseorang pelajar boleh dilihat dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, kemajuan dalam menguasai perkataan atau ayat baru, atau sering mencapai keputusan yang cemerlang dalam ujian bahasa. Hal ini juga merupakan faktor kebolehan semulajadi dan suatu anugerah dari Tuhan yang terdapat dalam diri pelajar. Selain kebolehan semulajadi, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan kejayaan seseorang pelajar. Antara faktor tersebut ialah tahap motivasi pembelajaran bahasa (Dornyei, 1990).

Motivasi didefinisikan sebagai usaha yang dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua hasil daripada keperluan dan keinginan untuk mempelajarinya (Ellis, 1994). Manakala motivasi pembelajaran bahasa menurut Gardner (1985) pula adalah tahap di mana seseorang bekerja dan berusaha untuk mempelajari bahasa kerana keinginannya untuk melakukan demikian dan pengalaman merasakan kepuasan ketika menjalankan aktiviti tersebut. Beliau telah mengemukakan tiga komponen utama di dalam definisinya iaitu tumpuan usaha, keinginan untuk belajar, serta kepuasan dengan tugas yang merupakan unsur-unsur penting dalam menilai tahap kekuatan motivasi pembelajaran bahasa.

Beberapa kajian lepas menunjukkan terdapatnya hubungan yang kuat antara motivasi dengan sikap pelajar. Antaranya ialah kajian yang mendapati faktor-faktor yang membentuk motivasi yang baik iaitu sikap pelajar yang positif terhadap mata pelajaran bahasa Arab yang mereka anggap penting, sikap pelajar yang menganggap bahasa Arab mudah dipelajari dan senang difahami di samping dorongan persekitaran bahasa Arab, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran-pembelajaran. Kepelbagaian aktiviti pembelajaran bahasa Arab boleh dilaksanakan para pendidik bahasa Arab dalam usaha memupuk daya bersemangat (passion) dan motivasi yang tinggi dalam diri para pelajar (Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah, 2015 ; Abdul Wahab bin Zakaria, 2012).

Selain itu, terdapat dua jenis tahap motivasi yang mempunyai perkaitan dengan sikap atau minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab iaitu tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik merupakan motivasi dalaman iaitu keinginan pelajar itu sendiri dari segi minat, ingin tahu dan kepuasan terhadap sesuatu pembelajaran. Manakala, motivasi ekstrinsik pula dikaitkan sebagai dorongan dan sokongan luaran iaitu bukan dari dirinya sendiri untuk melakukan sesuatu aktiviti (Hanis Najwa Shahrudin, 2017). Berdasarkan dapatan beliau, tahap motivasi intrinsik lebih tinggi berbanding ekstrinsik. Hal demikian menunjukkan faktor dalaman seseorang pelajar lebih mempengaruhi minat terhadap pembelajaran.



Kajian berkenaan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik telah dilakukan oleh (Mohd Zaki Bin Ahmad, 2014 ; Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin, 2009 ; Aishah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin & Mohd Sham Kamis, 2017) yang mengatakan bahawa para pelajar mengguna pakai motivasi intrinsik mahupun motivasi ekstrinsik dalam pembelajaran bahasa Arab dan kedua-dua motivasi tersebut memberi sumbangan yang positif terhadap pembelajaran bahasa. Walaubagaimanapun kajian Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani & Mat Lazim Yaakub (2010) mendapati motivasi ekstrinsik pelajar lebih rendah dari intrinsik dalam mempelajari bahasa Arab. Dalam tinjauan literatur ini, penulis akan meninjau tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab secara lebih mendalam dan mengenalpasti aspek-aspek yang mempunyai hubung kait dengan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.

TAHAP MOTIVASI PELAJAR MEMPELAJARI BAHASA ARAB

Motivasi adalah salah satu elemen penting dalam mencapai tujuan. Deckers (2005) mengatakan perlu bermotivasi untuk menterjemahkan kepada tindakan. Tindakan tidak berlaku secara spontan tetapi disebabkan samaada motif dalaman atau insentif luaran. Contohnya, pelajar menghadiri kelas di universti untuk mendapatkan ijazah. Menurut Heckhausen (1991) motivasi memberikan kesedaran kepada seseorang untuk melakukan tindakan tertentu dengan mengharapkan sesuatu daripadanya. Penggunaan tenaga dan usaha terlibat dalam melalui jalan memperoleh sesuatu perkara tertentu. Elemen niat menjadi perantara bagi motivasi dan tindakan supaya individu terdorong menggerakkan tindakannya.

Faktor luaran dan dalaman saling berkait yang menjadikan perbezaan tahap motivasi setiap individu. Dalam buku *Human Motivation*, faktor luaran lebih cenderung untuk membentuk tindakan daripada motivasi intrinsik. Tetapi, melalui ujian personaliti Switzky dan Haywood mendapati motivasi intrinsik dapat mengekalkan prestasi lebih lama daripada motivasi ekstrinsik. Kekuatan dalaman dilihat lebih berpengaruh khususnya apabila seseorang individu meningkat dewasa. Ia juga boleh dikatakan sebagai prinsip atau falsafah yang dibina dalam diri. Bagi motivasi ekstrinsik pula, ia menggalakkan subjek mampu mengadaptasi situasi berbeza dalam pembelajaran atau penyelesaian sebarang masalah (Franken 1998). Pada kanak-kanak, motivasi ekstrinsik adalah lebih utama sebagaimana mereka lebih cenderung untuk menjawab soalan apabila terdapat unsur ganjaran. Realitinya, individu dewasa juga bermotivasi dengan tujuan memperoleh sesuatu ganjaran daripada tindakan. Misalnya, seorang individu bekerja untuk memperoleh upah yang dijanjikan.

Dalam konteks belajar bahasa Arab di Malaysia, motivasi intrinsik dan ekstrinsik saling menyokong. Didapati kajian oleh Mohd Zaki Ahmad (2014) yang meninjau pembelajaran bahasa Arab dalam bilik darjah dirangsang oleh motivasi ekstrinsik dan intrinsik. Tetapi, dilihat motivasi ekstrinsik lebih tinggi dalam mendorong murid Melayu di sekolah rendah belajar bahasa Arab (Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani & Mat Lazim Yaakub 2010). Seterusnya, pada peringkat menengah dilihat terdapat perubahan faktor yang memberi kekuatan kepada pelajar mempelajari bahasa Arab. Ia sejajar dengan kajian Hanis Najwa Shaharuddin (2017) yang dilakukan kepada pelajar-pelajar Tahfiz Darul Quran dan KUIS. Didapati motivasi intrinsik lebih tinggi berbanding dengan ekstrinsik. Semestinya, apabila menginjak dewasa segala pekerjaan atau kehendak untuk mencapai sesuatu adalah disebabkan oleh faktor dalaman diri yang utama. Persekitaran dan orang sekeliling adalah unsur sampingan namun tetap penting.

Namun begitu, Aishah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin & Mohd Sham Kamis (2017) mendapati masalah utama yang berlaku di peringkat universiti ialah didapati penguasaan bahasa Arab pelajar masih di tahap sederhana. Perkara ini berlaku dikaitkan dengan pelajar yang mempunyai masalah sikap, kesediaan dan motivasi untuk belajar bahasa Arab. Analoginya, jika usaha mempelajarinya kurang dilakukan sudah tentu ia memberi natijah yang kurang memberangsangkan. Perkara ini sejajar dengan wujud sikap negatif pelajar terhadap trend membaca bagi bahan-bahan bacaan bahasa Arab (Siti Salwa Mohamad Nor & Nik Hanani Mustafa 2010). Adalah wajar para pelajar mencontohi sebilangan pelajar dewasa yang cenderung belajar bahasa Arab atau asing meskipun tujuan utama adalah mempelajari bahasa baru (Siobhan Mephee & Josephine O'Brien 2014). Di samping itu, (Haafiz Ahmid, Khairuddin Abdullah & Khalid Johari 2018) mendapati aspek pengajaran guru juga perlu sentiasa ditingkatkan. Ini kerana terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar. Jelasnya, pelbagai pihak berperanan dalam meningkatkan motivasi.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 12 anjakan telah digariskan. Elemen bahasa dipandang penting serta menjadi tumpuan dalam sistem pendidikan negara. Bagi anjakan kedua, matlamat ialah “memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa tambahan”. Cabaran belajar bahasa memerlukan usaha dan kesungguhan kerana setiap individu memiliki tahap kognitif yang berbeza. Walaupun begitu, kajian oleh Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin (2009) mendapati pelajar Malaysia bermotivasi untuk belajar bahasa asing. Misalnya, dengan hobi atau aktiviti masa lapang sesetengah pelajar yang gemar menonton drama Korea, filem Inggeris



dan Thailand secara tidak langsung telah mempengaruhi unsur kebahasaan para pelajar. Ia juga dapat merangsang pelajar untuk turut menyebut perkataan yang didengar atau ditonton.

Seterusnya, kajian oleh Khairatul Akmar Ab Latif, Redzaudin Ghazali, Rofian Ismail & Md Noor Hussin (2014) mendapati pandangan pensyarah adalah positif terhadap sikap, persepsi dan motivasi pelajar terhadap bahasa Arab. Namun merujuk Rosni Samah (2009), pelajar sering menunjukkan sikap pasif dengan hanya menerima pelajaran tanpa ada interaksi dengan guru. Terdapat juga pelajar yang tidak pernah bertanya soalan atau pendapat. Secara tidak langsung ia membentuk sikap pasif yang tidak membantu pelajar menguasai bahasa. Mereka boleh berjaya dalam peperiksaan namun tidak mampu berkomunikasi dengan bahasa Arab. Tambahan pula, sesetengah pelajar cuba mengelak apabila ditanya oleh guru. Sebagaimana kajian oleh Abdul Hakim Abdullah, Ab.Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah (2015) mendapati ada 5 faktor yang menjadi pendorong motivasi pelajar. Faktor kesedaran dilihat sebagai faktor yang menyumbang rendah kepada motivasi mereka. Sepatutnya, pelajar perlu menyedari tahap pencapaian diri supaya mereka sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berbahasa Arab.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di negara Arab seperti Jordan, Mesir, Libya, Sudan dan sebagainya ia dilihat sebagai suatu suasana yang sangat membantu individu belajar bahasa Arab. Akan tetapi, kajian oleh Muhammad Ali al-Khawalidah, Abdul Nasir Ziyab al-Jarrah & Faisal Khalil ar-Rabi' (2014) mendapati tempoh masa di Jordan bukan faktor yang signifikan dengan menentukan skor motivasi pelajar. Namun begitu, dari sudut warganegara ia mempunyai motif dan tujuan tersendiri dalam usaha mempelajari bahasa Arab. Contohnya, pelajar Korea mempunyai motivasi instrumental yang positif sedangkan pelajar Amerika dan pelajar Arab Kazeem Oluwatoyin Ajape, Arifin Mamat & Yusuf Abdul Azeez (2015) cenderung kepada motivasi integratif dalam mempelajari bahasa Arab. Namun begitu, pelajar Arab sendiri berpendapat bahasa Arab tidak memberi peluang kerjaya yang cerah masa depan dan terbatas untuk menceburi bidang yang mampu menyumbang besar kepada masyarakat. Jika hal ini difikirkan, tahap motivasi mereka sangat rendah. Jelasnya, pelajar Arab belajar bahasanya demi kelangsungan komunikasi bersama kelompok sosial mereka.

Berdasarkan tinjauan literatur kajian-kajian lepas, motivasi adalah penting bagi pembelajaran bahasa kedua. Tahap motivasi pelajar juga positif dalam mempelajari bahasa asing iaitu bahasa Arab (Wahab Zakaria 2012); bahasa Inggeris (Muneera Muftah & Shameem Rafik Galea 2013). Tindakan yang dilakukan mestilah seiring dengan motivasi diri agar halangan mempelajari bahasa dapat diminimalkan. Dalam mempelajari bahasa Arab di Malaysia, motivasi intrinsik dan ekstrinsik sudah tentu memerlukan kekuatan keduanya bagi menonjolkan kepentingan bahasa Arab tersebut. Penguasaan bahasa Arab yang baik amat penting untuk mendalami ilmu agama dan menghayati ajaran Islam. Dengan membuat analisis secara tinjauan literatur ini, ia membuka gambaran bidang atau masalah yang belum dikaji lagi.

TUJUAN KAJIAN


Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar dan sikap mereka dalam pembelajaran bahasa Arab berdasarkan pendekatan tinjauan literatur sistematik. Kajian ini mensasarkan tiga objektif kajian :

1. Mengetahui tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab.
2. Mengetahui hubungan sikap dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.
3. Mengetahui hubungan motivasi dan sikap terhadap pencapaian akademik pelajar.
4. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab.

METOD KAJIAN

Kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis literatur sistematik berfokuskan kepada kajian-kajian lepas tentang tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Pendekatan literatur sistematik bertujuan menjawab segala persoalan penyelidikan dan mengumpul serta meringkaskan semua bukti empirikal yang sesuai. Kajian ini menekankan kepada tahap motivasi pelajar dan jenis motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini berfokuskan kepada tahap motivasi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dari tahun 2009 sehingga 2018.

Penelitian dan pencarian dilakukan dengan menggunakan istilah Bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Istilah Bahasa Melayu yang digunakan ialah “motivasi pelajar”, “bahasa Arab”, “tahap”, “faktor”, “keberkesanan”, “sikap”, dan “pengaruh”. Istilah bahasa Inggeris yang digunakan ialah “motivation”, “learning” “foreign language” dan “arabic language. Manakala istilah bahasa Arab yang digunakan ialah “دافعية”, “اتجاهات”, dan “التحفيظ”. Pencarian telah dilakukan dengan




menggunakan pangkalan data Google Scholar dan juga menggunakan pelbagai laman web seperti Research Gate, Acamedia dan sebagainya bagi mendapat maklumat penuh tentang motivasi pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Hasil pencarian artikel berkaitan motivasi pembelajaran bahasa Arab, penulis memperolehi sebanyak 15 artikel. Hasil dapatan diringkaskan dalam jadual 1:

Jadual 1: Kajian Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab


1. Sikap Dan Motivasi Murid Melayu Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua	
Penulis dan Tahun	Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani & Mat Lazim Yaakub (2010)
Jenis Artikel	Jurnal
Amalan Inovasi	Tahap motivasi murid-murid Melayu di Sekolah Rendah Kebangsaan
Tujuan & Objektif Kajian	Tujuan : Mengenal pasti dan mengkaji sikap dan motivasi murid Melayu dalam pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Objektif: 1.Mengenal pasti sikap murid Melayu di Sekolah Rendah Kebangsaan terhadap pembelajaran bahasa Arab. 2.Menjelaskan faktor motivasi murid Melayu di sekolah Rendah Kebangsaan terhadap pembelajaran Bahasa Arab. 3.Menentukan perbezaan sikap dan motivasi antara murid lelaki dan murid perempuan Melayu di Sekolah Rendah Kebangsaan dalam pembelajaran bahasa Arab.
Metodologi	Kajian ini menggunakan kaedah lapangan iaitu pemerhatian luar, temubual dan soal selidik melibatkan seramai 36 murid kelas 4 Meranti di Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong dan 43 murid kelas 4 Baiduri di Sekolah Kebangsaan Bandar Anggerik.
Analisis Dapatan	Hasil dapatan kajian menunjukkan motivasi ekstrinsik adalah motivasi yang paling baik bagi mendorong murid-murid lelaki Melayu dan juga murid-murid perempuan Melayu mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa kedua.
2. Pengajaran Guru Dan Kepercayaan Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah	
Penulis dan Tahun	Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari (2018)
Jenis Artikel	Jurnal
Amalan Inovasi	Motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah dan pengajaran guru
Tujuan & Objektif Kajian	Tujuan : Menentukan hubungan antara pengajaran guru dengan kepercayaan motivasi di kalangan pelajar aliran agama di sekolah menengah berfokuskan mata pelajaran bahasa Arab yang wajib dipelajari oleh pelajar aliran agama. Objektif : Menentukan hubungan signifikan antara pengajaran guru dengan kepercayaan motivasi di kalangan pelajar aliran agama dalam mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah.
Metodologi	Kajian kuantitatif secara tinjauan ini menggunakan soal selidik kepada 542 pelajar aliran agama tingkatan 4 dan mengambil bahasa Arab secara wajib iaitu SMK, SMKA dan SMAN.
Analisis Dapatan	Hasil kajian mendapati hubungan yang sederhana namun signifikan dan positif antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Seterusnya, guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran mereka dari segi penyampaian bahan pembelajaran, interaksi dan aspek penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif. Usaha ini akan dapat meningkatkan kepercayaan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab sekaligus mengembangkan potensi penguasaan bahasa yang lebih berkesan dan komprehensif
3. Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (Psmba) Mengikut Pandangan Para Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Malaysia	
Penulis dan Tahun	Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail & Md Noor Hussin (2014)
Jenis Artikel	Jurnal




Amalan Inovasi	Pengaruh faktor dalaman terhadap penguasaan kemahiran bahasa arab dalam kalangan pelajar program sarjana muda bahasa arab (Psmba)
Tujuan & Objektif Kajian	Tujuan kajian : Mengetahui pandangan para pensyarah mengenai pengaruh psikologi (sikap, motivasi dan persepsi) terhadap para pelajar bahasa Arab, Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Objektif: 1.Mengetahui pendapat para pensyarah tentang sikap pelajar terhadap PSMBA. 2.Mengetahui tahap motivasi pelajar terhadap PSMBA mengikut pendapat para pensyarah. 3.Mengetahui pendapat para pensyarah tentang persepsi pelajar terhadap PSMBA.
Metodologi	Kajian tinjauan dijalankan dengan menggunakan soal selidik ke atas 37 orang pensyarah yang mengajar PSMBA pada tahun akhir di UKM, UPM, UM, UIAM dan USIM di IPTA.
Analisis Dapatan	Hasil kajian menunjukkan para pensyarah bersetuju bahawa semua faktor dalaman atau sahsiah pelajar terhadap PSMBA di 5 IPTA di Malaysia adalah positif. Seterusnya, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan persepsi pelajar dalam kajian ini terhadap bahasa Arab pada pandangan pensyarah adalah positif.
4. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab	
Penulis dan Tahun	Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah (2015)
Jenis Artikel	Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari
Amalan Inovasi	Faktor-faktor yang membentuk motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan.
Tujuan & Objektif Kajian	Mengetahui tahap pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Arab Mengetahui tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Menguji hubungan tahap motivasi pelajar dengan pencapaian Bahasa Arab.
Metodologi	Berbentuk kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 93 orang pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat telah dipilih secara rawak mudah
Analisis Dapatan	Kajian mendapati 88 orang (94.6%) responden mempunyai pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian ini juga mendapati 78 orang (83.9%) responden mempunyai tahap minat yang baik terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan menurun ialah: sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting, persekitaran bahasa Arab, sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah
5. Tahap Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Di Selangor	
Penulis dan Tahun	Hanis Najwa Shahrudin, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wazzainab Ismail, Farah- Nur Rashida Rosnan & Norafidah Gordani (2017)
Jenis Artikel	Prosiding
Amalan Inovasi	Dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik saling berkait rapat untuk menggerakkan sesuatu individu menguasai sesuatu pembelajaran.
Tujuan & Objektif Kajian	Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor
Metodologi	Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Teknik persampelan rawak digunakan dengan melibatkan seramai 279 sampel iaitu pelajar tahfiz di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan pelajar tahfiz di Darul Quran (DQ) Jakim.
Analisis Dapatan	Hasil kajian menunjukkan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik berada pada tahap tinggi iaitu dengan min masing-masing : 3.46 dan 3.16. Walaupun kedua-dua min bagi setiap motivasi tinggi, namun motivasi intrinsik lebih tinggi berbanding dengan motivasi ekstrinsik.
6. Intrinsik Dan Ekstrinsik: Tinjauan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama	
Penulis dan Tahun	Mohd Zaki Bin Ahmad (2014)
Jenis Artikel	Prosiding
Amalan Inovasi	Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik yang diamalkan di bilik darjah merangsang pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.



Tujuan & Objektif Kajian	Meninjau sejauh mana motivasi tersebut yang diamalkan di bilik darjah mempunyai perkaitan dengan pembelajaran Bahasa Arab, di samping mengetahui sejauh mana faktor-faktor yang menjana motivasi sedia ada pelajar mendorong pembelajaran Bahasa Arab.
Metodologi	Kajian ini menggunakan tinjauan deskriptif yang bertujuan untuk meninjau rangsangan motivasi dalam kalangan pelajar
Analisis Dapatan	Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar mengguna pakai motivasi intrinsik maupun motivasi ekstrinsik dalam pembelajaran Bahasa Arab di bilik darjah. Selain itu, dapatan kajian juga memaparkan faktor-faktor yang menjana motivasi tersedia ada pelajar turut memberi sumbangan yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama.
7. Kepentingan Pembelajaran Motivasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA dari Perspektif Sorotan Kajian.	
Penulis dan Tahun	Aishah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin & Mohd Sham Kamis (2017).
Jenis Artikel	ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 1(2) September 2017, 102-112. eISSN: 2600-769X.
Amalan Inovasi	Tahap motivasi pelajar IPTA belajar bahasa Arab.
Tujuan & Objektif Kajian	Artikel ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah aspek motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan pelajar terhadap subjek bahasa Arab serta sejauhmanakah hubungannya dengan tahap pencapaian pelajar.
Metodologi	Kualitatif deskriptif iaitu analisis dokumen.
Analisis Dapatan	Aspek ekstrinsik dan instrinsik mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Para pelajar yang kurang menguasai kemahiran asas dalam bahasa yang mereka pelajari didapati mempunyai masalah dari segi sikap, kesediaan dan motivasi untuk belajar bahasa Arab. Motivasi dan pencapaian tidak berhubung dengan kuat namun berhubung dengan pembolehubah lain dalam mempengaruhi pencapaian akademik.
8. Motivation To Learn A Foreign Language In Malaysia	
Penulis dan Tahun	Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin (2009)
Jenis Artikel	Jurnal
Amalan Inovasi	Motivasi ekstrinsik dan intrinsic
Tujuan & Objektif Kajian	Mengkaji Motivasi pelajar Malaysia untuk mempelajari bahasa asing
Metodologi	Kaedah Triangulasi terdiri daripada tinjauan soal selidik, analisis dokumen dan perbincangan kumpulan focus digunakan untuk pengumpulan data. Soal selidik 16 item telah dirumuskan dan lebih daripada 500 pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) memberi respons kepada soal selidik tersebut.
Analisis Dapatan	Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar UKM dan UiTM bermotivasi secara ekstrinsik dan intrinsik untuk belajar bahasa asing. Walau bagaimanapun, keputusan Ujian t menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi motivasi pelajar dari kedua-dua universiti.
9. Language Learning Motivation Among Malaysian Pre-University Students	
Penulis dan Tahun	Penulis dan Tahun
Jenis Artikel	Jurnal
Amalan Inovasi	Sikap dan motivasi mereka terhadap pembelajaran bahasa Inggeris.
Tujuan & Objektif Kajian	Tujuan :Mendapatkan pemahaman yang lebih baik dalam motivasi dan sikap pelajar terhadap proses pembelajaran bahasa Inggeris di universiti ini. Objektif: 1.Mengenal pasti tahap pelajar pra-universiti berorientasikan secara instrumen atau berintegriti ke arah pembelajaran bahasa Inggeris 2.Untuk mengenal pasti sama ada atau tidak sikap dan motivasi para pelajar pra-universiti untuk belajar bahasa Inggeris berubah selepas memasuki universiti.
Metodologi	Kajian kuantitatif secara tinjauan menggunakan soal-selidik ke atas 182 pelajar asasi bahasa Inggeris di salah satu universiti awam di Malaysia yang dipilih untuk mengisi borang soal selidik untuk mencerminkan sikap dan motivasi mereka terhadap pembelajaran bahasa Inggeris.
Analisis Dapatan	Dapatan menunjukkan bahawa pelajar pra-universiti Malaysia mempunyai motivasi yang tinggi dan sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris.




10. Students' Motivation and Attitude towards the Learning of Arabic Language: A Case Study of Arabic Students in Nigerian Universities	
Penulis dan Tahun	Kazeem Oluwatoyin Ajape, Arifin Mamat & Yusuf Abdul Azeez (2015)
Jenis Artikel	International Journal of Economics and Financial Issues
Amalan Inovasi	Motivasi pelajar-pelajar Arab mempelajari bahasa Arab.
Tujuan & Objektif Kajian	1) Mengetahui tahap motivasi pelajar dan sikap mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab. 2) Mengetahui hubungan antara faktor yang mempengaruhi motivasi dan sikap.
Metodologi	Kuantitatif dengan menjalankan kajian kes terhadap 288 pelajar Arab.
Analisis Dapatan	Pelajar Arab di universiti Nigeria mempunyai integritas yang tinggi, mempunyai hubungan yang baik dengan guru dan mementingkan kursus bahasa Arab. Tetapi, tidak bersetuju bahasa Arab memberi peluang kerjaya pada masa depan dan tidak dapat menyumbang kepada masyarakat. Maka, mereka tidak bermotivasi untuk mempelajarinya dan motivasi mereka sangat rendah.
11. Motivation and Methods in Learning Arabic in an AFL Environment	
Penulis dan Tahun	Siobhán McPhee & Josephine O'Brien (2014).
Jenis Artikel	Arab World English Journal AWEJ Volume 5, Number 4.
Amalan Inovasi	Motivasi mempelajari bahasa Arab dalam persekitaran bahasa Arab sebagai bahasa asing.
Tujuan & Objektif Kajian	1) Mengetahui sebab pelajar dewasa mempelajari bahasa Arab atau bahasa lain pada masa lapang. 2) Mengetahui halangan bahasa yang dihadapi.
Metodologi	Kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik kepada 50 orang pelajar dewasa.
Analisis Dapatan	Pelbagai faktor yang merangsang pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar dewasa. Faktor yang menjadi motivasi utama ialah "mempelajari bahasa baru" dengan 14 responden yang memilihnya. Manakala halangan yang kuat dihadapi dalam belajar bahasa Arab ialah 'membaca ayat-ayat dalam cerita'.
12. اتجاهات الطلبة نحو تعلم اللغة العربية في المدارس الدينية الحكومية الماليزية: المرحلة الثانوية بولاية سلانجور.	
Penulis dan Tahun	Abdul Wahab bin Zakaria (2012)
Jenis Artikel	Jurnal
Amalan Inovasi	Sikap dan hubungan di antara bahasa Arab dan minat mereka terhadap bahasa
Tujuan & Objektif Kajian	Tujuan :1. Mengetahui aduan pelajar tentang kesukaran belajar dan memahami bahasa Arab serta menjawab persoalan-persoalan mengenai sikap dan hubungan di antara Bahasa Arab dan minat mereka terhadap mata pelajaran tersebut. 2. Membolehkan pelajar memperoleh empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bercakap, membaca, menulis, nahu dan sorof, menghafal dan mengasah bakat mereka untuk menggunakan bahasa dengan betul dan membentuk personaliti diri yang baik dengan nilai-nilai murni dan etika yang mulia. Objektif: 1. Mendengar audio dengan kefahaman yang baik dan berkebolehan untuk menghuraikan semula. 2. Bertutur dengan fasih 3. Membaca pelbagai bahan bacaan dengan kefahaman yang baik. 4. Menulis dalam pelbagai jenis ayat dan tujuan dengan memahami kandungannya.
Metodologi	Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dengan menggunakan kaedah soal selidik ke atas 166 pelajar daripada lima buah sekolah menengah dari tingkatan satu hingga lima dan kaedah temubual ke atas guru-guru sekolah.
Analisis Dapatan	Hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi positif di antara mereka dari aspek meningkatkan keinginan (motivasi) untuk belajar bahasa Arab dalam kalangan pelajar, sama ada mereka mempunyai sikap yang positif untuk bahasa atau sebaliknya.
13. فاعلية التحفيز و تأثيره على أداء أساتذة مرحلة التعليم المتوسط.	
Penulis dan Tahun	Raja' Syau'bi (2014)
Jenis Artikel	Tesis sarjana
Amalan Inovasi	Hubungan antara sifat motivasi dengan prestasi guru peringkat menengah
Tujuan & Objektif Kajian	Tujuan kajian adalah untuk mendedahkan sifat motivasi prestasi guru peringkat menengah
Metodologi	Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik. Sampel kajian adalah 100 orang guru peringkat menengah yang dipilih secara rawak



Analisis Dapatan	-Tiada hubungan yang signifikan secara statistik dengan sifat motivasi dan prestasi guru peringkat pendidikan menengah -Tiada perbezaan statistik yang signifikan dalam prestasi kerana faktor senioriti di kalangan guru sekolah menengah. - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara jantina dan prestasi guru peringkat menengah. - Tiada hubungan yang signifikan secara statistik antara keadilan dalam memberikan insentif dan prestasi guru di peringkat menengah.
14. الاتجاهات نحو القراءة باللغة العربية: دراسة في المدارس الثانوية بماليزيا	
Penulis dan Tahun	Siti Salwa Mohamad Nor & Nik Hanani Mustafa (2010) Aishah Sjahrony et.al
Jenis Artikel	Journal of Linguistic and Literary Studies.
Amalan Inovasi	Sikap pelajar terhadap membaca dalam bahasa Arab.
Tujuan & Objektif Kajian	1) Mengetahui trend pelajar-pelajar sekolah agama menengah di Malaysia terhadap sikap membaca dalam bahasa Arab. 2) Mengenalpasti pengaruh perbezaan jantina terhadap teknik-teknik membaca. 3) Mengkaji hubungan antara pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab dengan gaya bacaan.
Metodologi	Kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh Yamashita 2004.
Analisis Dapatan	Terdapat sikap negatif dalam kalangan pelajar terhadap trend membaca. Pelajar lelaki dan perempuan tiada perbezaan yang ketara terhadap sikap membaca. Tetapi, wujud hubungan yang positif antara pencapaian pelajar dalam matapelajaran bahasa Arab dengan sikap yang positif terhadap membaca.
15. دافعية تعلم اللغة العربية لدى الناطقين بغيرها في الأردن وعلاقتها ببعض المتغيرات	
Penulis dan Tahun	Muhammad Ali al-Khawalidah, Abdul Nasir Ziyab al Jarrah & Faisal Khalil ar-Rabi' (2014)
Jenis Artikel	المجلة الأردنية في العلوم التربوية، مجلد 10، عدد 2، 2014، 191-204
Amalan Inovasi	Tahap motivasi pelajar asing mempelajari bahasa Arab di Jordan.
Tujuan & Objektif Kajian	Mengkaji tahap motivasi mempelajari bahasa Arab berdasarkan tiga pembolehubah bebas iaitu jantina, warganegara dan tempoh masa di Jordan.
Metodologi	Kuantitatif dengan sampel sebanyak 90 orang responden.
Analisis Dapatan	Tahap motivasi didapati tinggi untuk belajar bahasa Arab. Jantina, warganegara dan tempoh belajar di Jordan tidak menjadi pembolehubah yang signifikan dalam skor motivasi mereka. Tetapi, bagi tahap motivasi instrumental, pelajar Korea mempunyai motivasi positif manakala bagi tahap motivasi integratif, pelajar Amerika menunjukkan tahap positif.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 15 artikel yang diperolehi berkaitan motivasi dalam mempelajari bahasa. Daripada jumlah tersebut, 13 artikel adalah berkaitan motivasi belajar bahasa Arab manakala dua artikel masing-masing berkaitan motivasi belajar bahasa asing dan bahasa Inggeris. Kesemua artikel tersebut diterbitkan antara tahun 2009 hingga 2018. Berdasarkan jenis artikel yang diperolehi mendapati 12 artikel (80%) merupakan jurnal, dua artikel (13%) merupakan prosiding dan satu artikel (7%) merupakan tesis. Dari segi bentuk metodologi mendapati 12 artikel (80%) berbentuk kajian kuantitatif dan dua artikel (13%) berbentuk kajian kualitatif dan satu artikel (7%) berbentuk gabungan kajian kuantitatif dan kualitatif. Selain itu, terdapat lapan artikel (53%) berkaitan kajian motivasi yang dijalankan di peringkat IPTA, enam artikel (40%) berkaitan kajian motivasi yang dijalankan di sekolah menengah dan satu artikel (7%) berkaitan kajian motivasi yang dijalankan di sekolah rendah.

Jadual 1 juga menunjukkan terdapat lima artikel (33%) menyatakan tentang tahap motivasi, motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik dalam mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab (Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani & Mat Lazim Yaakub, 2010; Hanis Najwa et.al, 2017; Mohd Zaki Bin Ahmad, 2014; Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin, 2009; Muhammad Ali al-Khawalidah, Abdul Nasir Ziyab al Jarrah & Faisal Khalil ar-Rabi', 2014). Empat artikel (27%) berkaitan hubungan sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab (Khairatul Akmar Ab Latif et al., 2014, Muneera Muftah & Shameem Rafik-Galea, 2013; Abdul Wahab bin Zakaria, 2012; dan Kazeem Oluwatoyin Ajape, Arifin Mamat & Yusuf Abdul Azeez, 2015). Dua artikel (13%) berkaitan hubungan motivasi dan sikap terhadap pencapaian akademik pelajar (Aishah Sjahrony et al., 2017; Siti Salwa Mohamad Nor & Nik Hanani Mustafa, 2010). Dua artikel (13%) menyatakan tentang faktor-faktor motivasi belajar bahasa Arab (Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah 2015; Siobhán McPhee & Josephine O'Brien, 2014). Satu artikel (7%) mengaitkan kepercayaan motivasi pelajar terhadap pengajaran guru bahasa Arab (Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari, 2018), dan satu artikel (7%) berkaitan keberkesanan motivasi terhadap prestasi guru peringkat menengah (Raja' Syau'bi, 2014).



Hasil kajian mendapati pelajar menggunakan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam pembelajaran bahasa Arab. Motivasi ekstrinsik adalah motivasi yang paling baik dalam pembelajaran bahasa Arab (Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani & Mat Lazim Yaakub, 2010). Walau bagaimanapun, dapatan kajian di peringkat IPTA menunjukkan pelajar mempunyai tahap motivasi intrinsik yang lebih tinggi daripada ekstrinsik dalam mempelajari bahasa Arab (Hanis Najwa et al., 2017). Di samping itu, pelajar yang bersikap positif terhadap pembelajaran bahasa Arab mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa tersebut (Khairatul Akmar Ab Latif et.al, 2014; Abdul Wahab bin Zakaria, 2012; dan Kazeem Oluwatoyin Ajape, Arifin Mamat & Yusuf Abdul Azeez, 2015). Motivasi dan sikap juga mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian (Aishah Sjahrony et al., 2017; Siti Salwa Mohamad Nor & Nik Hanani Mustafa, 2010). Selain itu, faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar adalah sikap terhadap mata pelajaran bahasa Arab yang dianggap penting (Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah, 2015). Seterusnya, pengajaran guru yang baik akan meningkatkan motivasi pelajar (Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari, 2018).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan bahawa pelajar peringkat rendah, menengah dan IPTA mempunyai motivasi dan sikap yang positif dalam mempelajari bahasa Arab. Dapatan menunjukkan motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa Arab (Hanis Najwa et al., 2017; Mohd Zaki Bin Ahmad, 2014; Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani & Mat Lazim Yaakub, 2010) dan dalam pembelajaran bahasa asing (Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin, 2009). Dapatan kajian Hanis Najwa et.al (2017) dan Mohd Zaki Bin Ahmad (2014) menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi antaranya keinginan untuk menguasai bahasa Arab dan mengatasi kelemahan pembelajaran bahasa Arab. Dengan adanya minat dan dorongan dari dalaman, ia dapat memotivasikan para pelajar bahawa bahasa Arab itu boleh difahami dan dikuasai oleh para pelajar. Dapatan ini menyokong kajian Ayuni & Rohaidah (2016) yang menyatakan bahawa seseorang yang bermotivasi mempunyai matlamat dan keyakinan yang tinggi dalam mengatasi permasalahan terhadap sesuatu yang mereka minati.

Dapatan Hanis Najwa et al. (2017) dan Mohd Zaki Bin Ahmad (2014) turut menunjukkan motivasi ekstrinsik adalah motivasi paling utama yang memberi impak positif kepada pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab seperti galakan daripada ibu bapa dan guru. Dapatan ini menyokong kajian Mariani et al. (2016) yang menyatakan bahawa galakan dan sokongan serta insentif perlu dilaksanakan selalu bagi mewujudkan rasa dihargai dalam diri pelajar dan secara tidak langsung memberi impak terhadap keberhasilan pelajar. Walaubagaimanapun kajian Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani & Mat Lazim Yaakub (2010) mendapati motivasi ekstrinsik pelajar lebih rendah dari intrinsik dalam mempelajari bahasa Arab. Oleh itu, satu penambahbaikan perlu dilaksanakan daripada kalangan guru-guru dengan memberi pujian dan galakan kepada pelajar untuk memahami dan menguasai bahasa Arab. Dengan langkah ini, para pelajar akan lebih meminati, memahami dan menguasai bahasa Arab kerana keinginan dalaman lebih terdorong atas sebab motivasi daripada luaran.

Dapatan Khairatul Akmar Ab Latif et.al (2014), Muneera Muftah & Shameem Rafik-Galea (2013); Abdul Wahab bin Zakaria (2012) dan Kazeem Oluwatoyin Ajape, Arifin Mamat & Yusuf Abdul Azeez (2015) menunjukkan ternyata pelajar mempunyai motivasi yang positif dalam mempelajari Bahasa Arab. Faktor motivasi positif tersebut salah satunya datang daripada sikap positif yang ditunjukkan oleh murid-murid ketika mempelajari Bahasa Arab. Dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian Mohd Firdaus (2003) dan Nor Azura Mohd Salleh (2008) yang menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa kedua mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa tersebut.

Seterusnya, dapatan kajian Aishah Sjahrony et.al (2017) dan Siti Salwa Mohamad Nor & Nik Hanani Mustafa (2010) menunjukkan hubungan yang positif antara motivasi dan sikap dengan pencapaian akademik para pelajar. Lightbown dan Spada (1999) menjelaskan bahawa beberapa kajian menunjukkan motivasi memberi sumbangan kepada pencapaian khususnya kepada bahasa kedua dalam kalangan pelajar. Namun, Skehan (1998) mempersoalkan adakah kerana pelajar yang mendapat pencapaian tinggi disebabkan mempunyai tahap motivasi tinggi atau adakah kerana pelajar itu berjaya dalam akademik menyebabkan ia bermotivasi tinggi? Oleh itu, motivasi dan sikap mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian.

Dapatan kajian Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah (2015) pula mendapati lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan menurun ialah: sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting, persekitaran bahasa Arab, sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Berdasarkan dapatan ini, sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting menjadi faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Oleh itu, elemen agama boleh dijadikan serampang dua mata yang boleh memupuk sikap positif pelajar terhadap bahasa Arab sebagai bahasa yang penting untuk memahami al-Quran dan al-Hadith di samping menyuburkan penghayatan



agama Islam di dalam diri mereka selaras dengan dapatan Kaseh Abu Bakar et. al. (2010) yang mengatakan bahawa faktor agama adalah antara pelonjak motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian Siobhán McPhee & Josephine O'Brien (2014) pula menyatakan faktor yang menjadi motivasi utama pelajar mempelajari bahasa Arab ialah "mempelajari bahasa baru".

Dapatan selanjutnya iaitu kajian Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah & Khalid Johari (2018) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pembelajaran Bahasa Arab di sekolah. Keputusan ini menunjukkan bahawa semakin baik pengajaran guru maka semakin meningkat kepercayaan motivasi pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatan ini menyokong kajian Rozendaal et al. (2005) menyebutkan tentang guru yang menggunakan sistem pembelajaran interaktif berkumpulan secara signifikan meningkatkan motivasi belajar di kalangan pelajar. Penyampaian maklumat tentang topik-topik yang disampaikan secara berkesan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Sekiranya guru mengadakan aktiviti pembelajaran Bahasa Arab sama ada secara individu atau kumpulan dan memberi penerangan yang jelas dan mudah, maka pelajar akan menjadi lebih berminat untuk belajar Bahasa Arab dan beranggapan tugas yang akan diberi boleh diselesaikan dengan mudah.


KESIMPULAN

Kajian kualitatif ini berfokus kepada tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab pada tahun 2009 sehingga 2018 menggunakan pendekatan tinjauan literature sistematik. Motivasi dalam kalangan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab perlu dipertingkatkan serta kesedaran dan sikap positif terhadap bahasa Arab perlu dibentuk untuk membawa para pelajar bahasa Arab kepada kejayaan yang cemerlang dalam menguasai bahasa al-Quran yang mulia ini. Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesannya. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan. Sikap pula mempunyai perkaitan rapat dengan motivasi dan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya.

Melalui kajian tinjauan literatur ini, terdapat dua jenis tahap motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik yang saling berkait rapat untuk menggerakkan sesuatu individu menguasai sesuatu pembelajaran. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor yang menjana motivasi tersedia ada pelajar yang turut memberi sumbangan positif terhadap pembelajaran. Justeru, oleh kerana kebanyakan pelajar mempunyai kecenderungan dan minat yang berbeza, mereka harus dibantu supaya berminat untuk belajar. Guru juga memainkan peranan yang penting dalam usaha menarik minat pelajar dan memenuhi minat pelajar mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Guru harus pelbagaikan kaedah dan teknik dalam memilih bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah. 2015. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10:104-121.
- Abdul Wahab bin Zakaria. 2012. Sikap Pelajar-Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah-Sekolah Agama Malaysia: Kajian Kes Bagi Peringkat Menengah Di Negeri Selangor. *Journal of linguistic and literary studies*.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin. 2009. Motivation To Learn A Foreign Language. *Malaysia GEMA Online Journal of Language Studies* 9(2).
- Aishah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin & Mohd Sham Kamis. 2017. Kepentingan Pembelajaran Motivasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA dari Perspektif Sorotan Kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(2): 102-112.
- Ayuni Mohamad Bakri & Rohaidah Kamaruddin. 2016. Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di 5 Universiti di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 4(2): 83 – 92.
- Deckers. L. 2005. *Motivation Biological, Psychological, and Environmental*. USA: Pearson Education.
- Dornyei, Z. 1990. *Conceptualizing Motivation in Foreign-language Learning*. *Language Learning*. 40, 45–78.
- Ellis, R. 1994. *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Franken. R. E. 1998. *Human Motivation*. USA: Cole Publishing Company.
- Gardner, R. C. 1985. *Social Psychological Aspects of Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Hanis Najwa et al. 2017. Tahap Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Di Selangor. *E-Prosiding, PASAK* 2, 1.
- Heckhausen. H. 1991. *Motivation and Action*. New York: Springer Verlag.



- Kamaruddin Hussin. 1993. *Pengajaran lisan: Kemahiran mendengar dan bertutur*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kazeem Oluwatoyin Ajape, Arifin Mamat & Yusuf Abdul Azeez. 2015. Students' Motivation and Attitude towards the Learning of Arabic Language: A Case Study of Arabic Students in Nigerian Universities. *International Journal of Economics and Financial Issues* 5: 122-127.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail & Md Noor Hussin. 2014. Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (Psmba) Mengikut Pandangan Para Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Malaysia. *E- Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization*.
- Mariani Md Nor, Mohd Nazri Abdul Rahman, Norazana Mohd Nor, Nor'ain Mat Talha & Zabidi Abdul Razak. 2016. Amalan Kepimpinan Pengajaran untuk Penambahbaikan sekolah: Retrospeksi Guru Besar Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Johari. 2018. Pengajaran Guru Dan Kepercayaan Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah. *Malaysian journal of Social Sciences and Humanities* 3(3): 136-147.
- Mohd Zaki Bin Ahmad. 2014. Intrinsik Dan Ekstrinsik: Tinjauan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama. *International Research Management and Innovation Conference 2014*.
- Muneera Muftah & Shameem Rafik-Galea. 2013. Language Learning Motivation Among Malaysian Pre-University Students. *English Language Teaching* 6(3).
- Muhammad Ali al-Khawalidah, Abdul Nasir Ziyab al Jarrah & Faisal Khalil ar-Rabi'. 2014. *Students' Motivation towards Learning Arabic in Jordan as Related to Some Variables*. *Education Jordan Journal* 10(2): 191-204.
- Muhammad Zuhair Zainal, Mazani Jelani, Mat Lazim Yaakub. 2010. Sikap Dan Motivasi Murid Melayu Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II*.
- Raja' Syau'bi. 2014. Keberkesanan Motivasi Dan Kesannya Kepada Prestasi Guru Peringkat Menengah. Tesis Sarjana. Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan: Universiti Kasdi Merbah.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Negeri Sembilan: USIM.
- Siti Salwa Mohamad Nor & Nik Hanani Mustafa. 2010. *Trends towards Reading in Arabic: A Study in Secondary Schools in Malaysia*. *Journal of Linguistic and Literary Studies* 1, (2).
- Siobhán McPhee & Josephine O'Brien. 2014. *Motivation and Methods in Learning Arabic in an AFL Environment*. *Arab World English Journal AWEJ* 5, (4).